

PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menyiapkan buku Laporan Projek Penyelidikan ini. Pada ruang ini, ingin saya lakarkan kalam ini sebagai tanda terima kasih saya kepada mereka yang terlibat dalam membantu saya menyiapkan tugasan kajian ini. Pertama sekali ucapan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Encik Ahamad Tarmizi bin Azizan kerana beliau telah banyak membantu saya merancang perjalanan akademik saya sepanjang menyiapkan projek ini.

Tanda penghargaan juga saya rakamkan setingginya penghargaan kepada keluarga tersayang saya iaitu ayah, ibu, dan adik-adik saya kerana mereka banyak memberi dorongan dan galakan motivasi kepada saya agar dapat menyiapkan tugasan yang mencabar ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada pihak Pondok Moden Kandis (PMK) terutamanya kepada cikgu Zafri sebagai kerani di PMK. Selain itu, penghargaan ini juga dituju kepada semua staf-staf Universiti Malaysia Kelantan yang terlibat membantu menasihati saya untuk kursus ini.

**PENERAPAN LIMA ELEMEN ISLAMIK PADA REKABENTUK LAMAN SESAWANG
PONDOK MODEN KANDIS (PMK) MENGGUNAKAN SISTEM PERNGURUSAN
KANDUNGAN (CMS) WORDPRESS**

Abstrak

Kepesatan pembangunan teknologi komunikasi perantaraan komputer yang berlaku di era ini menunjukkan satu penerimaan yang hebat daripada kebanyakan masyarakat. Laman sesawang merupakan dijadikan tempat komunikasi melalui halaman ke halaman yang bermaklumat. Namun begitu, kajian yang dibuat mendapat bahawa ramai yang tidak menyedari kepentingan penerapan elemen-elemen islamik pada antaramuka laman sesawang yang ada khususnya pada laman sesawang institusi-institusi keagamaan. Hasil kajian pemerhatian terhadap lima laman sesawang daripada institusi-institusi keagamaan di Negeri Kelantan menunjukkan kurangnya penggunaan terhadap lima elemen yang telah dikaji. Oleh itu, lima elemen islamik yang dikenalpasti telah diterapkan pada antaramuka pengguna laman sesawang yang dimiliki oleh Pondok Moden Kandis. Perisian seperti Adobe Photoshop, Xampp, Content Management System (CMS) dan Domain Name serta Hosting telah digunakan untuk pembangunan laman sesawang tersebut. Kajian untuk tujuan pembangunan laman sesawang ini dibuat dengan melalui rujukan perpustakaan dan pemerhatian tambahan terhadap lima buah laman sesawang. Selain itu, kaedah temubual dengan perekabentuk laman sesawang dan tokoh agama juga turut dilakukan. Justeru itu, lima elemen islamik dan proses pembangunan laman sesawang dengan penerapan lima elemen islamik telah dikenalpasti melalui saluran yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Kesimpulannya penerapan daripada lima elemen islamik yang diterapkan antaramuka pengguna laman sesawang Pondok Moden Kandis dapat diketengahkan lagi keseniannya kepada masyarakat bagi penghayatan tentang perkara tersebut khususnya terhadap masyarakat Islam itu sendiri.

Abstract

Computer intermediate communications technology development rapidity which occurred in this era show a receipt that great than most communities. Website is turned into place communication through page to page that have information. However, study made find that many that do not realize Islamic interest application elements in interface website that there is especially in religious website institutions. Result observational study on five websites from religious institution in Kelantan State show lack of use on five strands was studied. Therefore, five Islamic strands that identified. Result observational study on five websites from religious institusi-institusi in Kelantan State show lack of use on five strands was studied. Therefore, five Islamic strands that identified was inscribed in interface consumer website owned by Pondok Modern Kandis. Software like Adobe Photoshop, Xampp, Content Management System (CMS) and Domain Name and Hosting already used by to made development website. Study for the purposes of development website were with through reference library and additional observation on five websites. Apart from that, interview method with designer website and religious figure also carried out. Hence, five Islamic strands and development process website with application five Islamic strands has identified through channel used to get information needed. In conclusion application from five Islamic strands that moulded by interface Pondok Modern Kandis consumer website can brought forth further the aesthetic to society for appreciation on said matter especially on the Islamic community itself

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
Perakuan	I
Penghargaan	II
Kandungan	III
Abstrak	vii
Abstract	v
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2-4
1.3 Penyataan Masalah	4-5
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	
1.6.1 Kepentingan kepada Individu	6
1.6.2 Kepentingan kepada Institusi	7
1.6.3 Kepentingan kepada Masyarakat	7

1.6.4 Kepentingan kepada Negara	8
1.7 Skop Kajian	8
BAB 2 : KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	9
2.2 Agama Islam	9-10
2.2.1 Pengertian Islam	10
2.2.2 Tamadun Islam	11-12
2.2.3 Kesenian Dalam Islam	12-13
2.3 Lima Elemen Islamik	11-14
2.3.1 Arabes	13
2.3.2 Tulisan Kufi	14-17
2.3.3 Tulisan Jawi	17-18
2.3.4 Warna Hijau	18-20
2.3.5 Simbol Bulan Bintang	20-21
2.4 Laman Sesawang	22-24
2.5 Rekabentuk Laman Sesawang PMK	24

2.6 Pondok Moden Kandis (PMK)	25
-------------------------------	----

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	26
3.2 Rekabentuk Kajian	27
3.3 Kaedah Kajian	28
3.3.1 Temubual	28-29
3.3.2 Pemerhatian	30
3.3.3 Kajian Perpustakaan	31
3.3.4 Rujukan Internet	32
3.4 Rekabentuk Kajian	33
3.5 Jadual Perancangan Penyelidikan	34

BAB 4 : PEMBANGUNAN PRODUK

4.1 Pengenalan	35
4.2 Proses Pembangunan Laman Sesawang PMK	36
4.3 Proses Pra-Produksi	36-39
4.4 Proses Produksi	40

4.4.1 Localhost Server : Xampp	40-41
4.4.2 Pembangunan Laman Sesawang CMS Wordpress	42-43
4.4.3 Proses Merekabentuk Pada Antaramuka Pengguna	44-46
4.4.4 Maklumat Dimasukkan Dalam Laman Sesawang PMK	46
4.5 Pasca-produksi	47-49

BAB 5 : ANALISIS KEPUTUSAN, PERBINCANGAN DAN KEUSAHAWANAN

5.1 Pengenalan	50
5.2 Lima Elemen Islamik Pada Laman Sesawang PMK	51-53
5.3 Penerapan Lima Elemen Islamik	54
5.3.1 Tenaga Pengajar Pondok	54-55
5.5.2 Timbalan Mufti Negeri Kelantan	55
5.4 Perisian CMS Wordpress	55-58
5.5 Rekaletak Lima Elemen Islamik Pada Rekebentuk Laman Sesawang PMK	58-59

BAB 6 : KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1 Pengenalan	65
6.2 Kesan Kajian	66
6.2.1 Kesan Kepada Individu	66-67
6.2.2 Kesan Kepada Masyarakat	67
6.2.3 Kesan Kepada Institusi	67-68
6.2.4 Kesan Kepada Negara	68
6.3 Cadangan	68
6.4 Kesimpulan	69

BIBLIOGRAFI**LAMPIRAN**

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI JADUAL

JADUAL	NAMA JADUAL	HALAMAN
5.1	Taburan umur dan jantina	47
5.2	Pandangan Responden tentang Laman Sesawang	
	Syarikat Azizan Food Industries	49

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI RAJAH

RAJAH	NAMA RAJAH	HALAMAN
2.1	Kuih Akok	14
2.2	Model ADDIE	15
4.1	WORDPRESS LOGIN SCREEN	33
4.2	cPanel	34
4.3	Masukkan Username dan Password cPanel Kuih Akok	34
4.4	Install wordpress di cPanel Hosting	35
4.5	Dashboard laman sesawang	35
4.6	Halaman posts sila klik menu posts untuk melihat senarai posts	36
4.7	Edit Posts	36
4.8	Tambah Page	37
4.9	Halaman pertama dalam laman web tersebut	37
4.10	Halaman kedua menerangkan tentang kuih akok	38
4.11	Halaman ketiga menerangkan tentang resepi kuih akok	38
4.12	Halaman keempat menerangkan sejarah kuih akok	39
4.13	Halaman kelima menerangkan tentang jenis akok	39
4.14	Halaman keenam menerangkan tentang proses pembuatan kuih akok serta cara memasak kuih akok	40

4.15	Halaman terakhir yang menerangkan tentang bagaimana pelawat boleh menghubungi pengusaha syarikat tersebut.	40
4.16	Tema yang dipilih dalam membangunkan laman sesawang ialah Greyzed by The Forge Web Creations	41
4.17	Model ADDIE	42
5.1	Tahap Penggunaan Komputer dan Internet di kalangan responden	48
5.2	Cadangan Penambahbaikan Terhadap Laman Sesawang yang Dibangunkan	50

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

- | | |
|------------|----------------------------|
| Lampiran A | Soalan Temuramah |
| Lampiran B | Soalan Soal Selidik |

SENARAI RAJAH DAN JADUAL

BIL		HALAMAN
1.	Rajah 2.1: Corak Arabes	14
2.	Rajah 2.2: Tulisan Khat Thuluth	15
3.	Rajah 2.3: Rekaan Karya Khat Kufi	16
4.	Rajah 2.4: Perkataan Jawi	18
5.	Rajah 2.5: Simbol Bulan Bintang	20
6.	Rajah 3.1: Temubual Bersama Tenaga Pengajar Pondok	28
7.	Rajah 3.2: Temubual Bersama Timbalan Mufti Kelantan	29
8.	Rajah 4.1: Gambar En Ejoe Pemilik Syarikat ejoeSolutions	37
9.	Rajah 4.2: Simbol CMS Wordpress versi 3.5.1	37
10.	Rajah 4.3: Perisian Localhost Server & Database	38
11.	Rajah 4.4: Perisian-perisian Pembangunan Laman Sesawang	39
12.	Rajah 4.5: Antaramuka Pengguna Perisian Xampp	41
13.	Rajah 4.6: Antaramuka phpMyAdmin	41
14.	Rajah 4.7: CMS Wordpress Yang Berjaya Diaktifkan	42
15.	Rajah 4.8: Tema CMS Wordpress	43
16.	Rajah 5.1 : Laman Sesawang Yang Dipilih Dalam Kajian Pemerhatian	51
17.	Rajah 5.2 : Pemilik Syarikat ejoeSolutions	56
18.	Rajah 5.3 : Statistik Agihan Perisian Laman Sesawang	57
19.	Jadual 3..2: Jadual Perancangan Penyelidikan	34

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang latar belakang tempat kajian, objektif kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, batasan kajian, kaedah kajian dan sebagainya. Dalam bab ini juga menerangkan tentang latar belakang kajian yang dijalankan. Kajian ini akan disertakan dengan tiga objektif kajian yang membantu mencapai matlamat yang dirancang. Sehubungan itu, pernyataan masalah telah dinyatakan dalam bab ini yang menerangkan permasalahan dalam konteks antaramuka pengguna laman sesawang bercirikan islamik dalam kajian yang melibatkan masyarakat tempatan. Selain itu, persoalan kajian tentang penerapan lima elemen islamik pada rekabentuk laman sesawang Pondok Modern Kandis (PMK) juga akan dikenalpasti. Bagi penerangan tentang kajian akan diterangkan dengan lebih terperinci lagi dalam bab ini.

1.2 Latar belakang kajian

Pondok Moden Kandis (PMK) merupakan tempat pengajian agama Islam yang berada di Kampung Telong, Bachok, Negeri Kelantan. Pondok ini berlainan dengan pondok-pondok lain yang ada di Negeri Kelantan. Perbezaannya kerana PMK adalah tempat pengajian Islam yang bernaung di bawah pentadbiran dan pengelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK.). Kajian yang dibuat adalah menjurus kepada pembangunan laman sesawang PMK yang diterapkan lima elemen islamik. Berdasarkan pemahaman daripada dictionary.reference.com/(2007) menyatakan bahawa laman sesawang adalah alat yang berfungsi sebagai jalan masuk ke dalam internet seperti petikan berikut :

“Computers. a Web site that functions as an entry point to the Internet, as by providing useful content and linking to various sites and features on the World Wide Web”

Sumber : Dictionary Online (2007) diperolehi Ogos 10, 2012 dari <http://dictionary.reference.com/>

Penerapan lima elemen islamik pada laman sesawang PMK merupakan satu usaha penting dalam menyuburkan kesenian dalam dunia Islam. Antara matlamat yang ingin dicapai adalah memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan menggunakan elemen-elemen islamik pada rekabentuk laman sesawang. Perkara ini penting kerana seni yang baik akan memberi kebaikan yang positif dan dapat menarik minat masyarakat untuk terus menghayati kehalusan seni. Seterusnya dapat mengingatkan masyarakat kepada pencipta terutamanya bagi mereka yang memikirkan dan menghayati keindahannya. Agama Islam menggalakkan supaya kesenian itu diaplikasikan dalam segenap perkara kehidupan kerana ia dapat mewujudkan suasana yang indah dan aman. Menurut Jurnal Usuluddin (2007) yang ditulis oleh Mohd.Bakhir Hj. Abdullah telah mengambil satu sabda Nabi SAW menyatakan bahawa Allah SWT itu suka akan perkara yang indah. Sabda Nabi SAW yang bermaksud.

“bahawa sesungguhnya Allah S.W.T itu indah dan kasih kepada yang indah”

Sumber : Jurnal Usuluddin, Bil 26 115-132

Kesenian merupakan sesuatu yang indah kerana perkara tersebut berkaitan dengan kehalusan yang melambangkan cara hidup masyarakat seperti kesasteraan, lagu, tulisan, ukiran, senibina, dan lain-lain lagi. Walaubagaimanapun, kajian ini telah memilih lima elemen islamik yang akan diterapkan pada laman sesawang PMK sebagai satu usaha yang menjurus kepada sabda nabi yang dihuraikan di atas. Kelima-lima elemen islamik ini merupakan pecahan-pecahan yang diambil daripada kehalusan seni Islam yang telah wujud sekian lama di dunia terutamanya pada zaman kegemilangan Islam ketika dahulu. Seperti yang dijelaskan oleh Mustafa Hj. Daud (1991) seorang penulis dalam buku Tamadun Islam menyatakan zaman yang penuh dengan kesenian Islam adalah satu zaman kesenian yang mempunyai kehalusan yang sangat berkesan seperti petikan berikut :

“Hiasan-hiasan berbentuk tumbuhan dan goemetri yang mempunyai kehalusan kesenian Arab sangat berkesan dalam kesenian Eropah dan turut dikenali dengan nama (ara bisque), ditambah juga dengan Khat Al-Kufi iaitu kesenian yang berbentuk lukisan yang cantik dan halus dan berkembang di Eropah dengan pesatnya”

Sumber : Mustafa Hj. Daud (1991) Tamadun Islam Utusan Publications

Keadaan ini berbeza pada zaman ini, setelah kesenian Islam khususnya dengan penggunaan elemen-elemen islamik yang wujud dan diagungkan ketika dahulu semakin dilupakan akibat ditelan zaman teknologi baru yang lebih maju. Bagi mengembalikan keadaan ini, maka kajian ini dibuat dengan mengambil kira lima elemen islamik yang

telah dipilih dan akan diterapkan masuk pada rekabentuk laman sesawang PMK menggunakan CMS Wordpress.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini dijalankan kerana peningkatan pembangunan laman sesawang semakin meningkat dan digunakan secara meluas dalam pebagai sektor seperti sektor korporat, hiburan, pendidikan, agama dan perniagaan. Berdasarkan Berita Harian Online (2010) yang ditulis oleh Shahrizan Salian menjelaskan tentang situasi remaja yang menggunakan khidmat laman sesawang sosial sebagai sebahagian kehidupan mereka seperti berikut :

“LAMAN web rangkaian sosial yang muncul seperti ‘cendawan tumbuh selepas hujan’ kini menjadi antara gaya hidup ‘wajib’ dalam kehidupan masyarakat masa kini.... Di Malaysia, antara rangkaian sosial Facebook dengan catatan kira-kira 6.2 juta pengunjung.”

Sumber :Berita Harian Online (2010) diperolehi jun 12, 2013
dari http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Teknologi_Remajagunalamanwebsosialpamerpopularitidiri/Artile

Berdasarkan petikan tersebut, keadaan ini menunjukkan penggunaan laman sesawang sosial seperti facebook merupakan laman sesawang yang paling diminati oleh remaja-remaja. Penggunaan laman sesawang tersebut merupakan satu penerimaan

yang terjadi sehingga laman sesawang yang lain tidak dijadikan perkara utama untuk digunakan.

Justeru, kajian ini hendaklah dijalankan kerana penggunaan laman sesawang menjadi perkara yang popular pada masa kini. Oleh itu, elemen islamik yang diterapkan pada rekabentuk laman sesawang akan menjayakan lagi kajian ini dalam mengetengahkan elemen islamik sebagai kesenian dan pengisian rohani kepada masyarakat khususnya golongan remaja.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini menggariskan tiga perkara sebagai objektif dalam kajian yang menjadi panduan dalam kajian dalam menuju kepada penghasilan laman sesawang yang diterapkan lima elemen islamik pada antaramuka pengguna laman sesawang PMK.

- a) Mengenalpasti lima elemen Islamik pada rekabentuk laman sesawang PMK.
- b) Membangunkan rekabentuk laman sesawang PMK menggunakan CMS Wordpress.
- c) Menerangkan tentang penerapan lima elemen islamik pada rekabentuk laman sesawang PMK.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian yang dilakukan ini mempunyai pelbagai persoalannya yang tersendiri. Lima elemen yang digunakan telah dikenalpasti akan keadaannya. Oleh itu antara persoalan-persoalan yang timbul adalah seperti berikut :

- a) Apakah lima elemen islamik yang wujud dalam kesenian Islam ?
- b) Bagaimanakah rekabentuk yang digunakan untuk penerapan lima elemen islamik pada rekabentuk laman sesawang PMK menggunakan CMS Wordpress?
- c) Mengapakah rekaletak lima elemen berlaku selepas diterapkan elemen tersebut pada rekabentuk laman laman sesawang Pondok Moden Kandis?

1.6 Kepentingan kajian

Kajian terhadap penerapan lima elemen islamik pada rekabentuk laman sesawang Pondok Moden Kandis dengan menggunakan CMS Wordpress dapat memberi kebaikan kepada kumpulan sasar seperti berikut :.

1.6.1 Individu.

Penyelidikan yang dibuat dapat menambahkan lagi pengetahuan individu yang merujuk kepada kajian dan produk digital interaktif laman sesawang yang telah dibuat. Rujukan ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan membantu individu tersebut dalam menghasilkan sesuatu yang berkaitan dengan skop kajian yang telah dibuat.

1.6.2 Institusi- institusi Islam

Pembangunan laman sesawang yang diterapkan elemen islamik pada antaramuka pangguna laman sesawang PMK dapat menggalakkan lagi institusi-institusi agama yang lain untuk menghasilkan laman sesawang yang mempunyai elemen-elemen yang telah diterapkan dengan elemen-elemen islamik tersebut.

1.6.3 Masyarakat

Masyarakat Islam akan berbangga dengan kewujudan laman sesawang yang kreatif kerana perkara tersebut menunjukkan satu kejayaan bahawa agama Islam juga tidak melarang sebarang teknologi daripada menampakkan kesenian dan keindahan Islam iaitu dengan penerapan elemen islamik pada rekabentuk antaramuka pengguna.

1.6.4 Negara

Pembangunan laman sesawang dengan penerapan lima elemen islamik secara online dalam internet akan memberi kebaikan yang positif kepada agama Islam. Laman sesawang yang bermaklumat PMK adalah terbuka dan beroperasi di seluruh negara menyebabkan pengguna yang melihat laman sesawang tersebut

akan terdedah dengan keindahan seterusnya akan memperoleh maklumat berkenaan PMK sebagai tempat pengajian Islam yang wujud di Malaysia.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan dalam ruang lingkup subjek kajian iaitu tentang Pondok Moden Kandis Kampung Telong Kandis, 16310 Bachok Kelantan yang tela dibangunkan bagi tahun 2012/2013. Fokus bagi kajian ini adalah mengenalpasti bagaimana penerapan lima elemen islamik pada rekabentuk laman sesawang PMK menggunakan CMS Wordpress. Lima elemen yang dikaji adalah corak arabes, warna hijau, simbol bulan bintang, tulisan jawi dan tulisan kufi. Justeru data-data kajian dibuat dengan kaedah pemerhatian, rujukan perpustakaan, rujukan internet dan temubual telah digunakan bagi melaksanakan tujuan penerapan ke atas laman sesawang PMK. Oleh itu, data-data kajian tidak boleh digunakan bagi pembangunan laman sesawang yang lain.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bahagian yang penting dalam meneliti semua perkara yang berkaitan dengan kajian. Penerangan tentang konsep-konsep serta definisi-definisi yang berkaitan dengan tajuk kajian akan dikenalpasti. Antara perkara yang ditekankan dalam bab ini ialah berkenaan dengan pemahaman tentang agama Islam, lima elemen islamik, rekabentuk laman sesawang, perisian laman sesawang, dan Pondok Moden Kandis.

2.2 Agama Islam

Islam merupakan satu agama yang terdapat di dunia dan ia menjadi salah satu agama yang mendapat tempat majoriti menjadi pilihan manusia selain agama-agama lain yang wujud di dunia masa kini. Menurut pandangan Abdullah Akhili (1996) seorang penulis dalam buku *Agama Dan Cara Hidup* menyatakan bahawa Islam itu adalah agama yang berlainan dengan agama-agama yang lain. Tambahan lagi, Islam merupakan agama yang istimewa yang diiktiraf oleh Allah s.w.t. Petikan dibawah menunjukkan pandangan yang dikemukakan oleh beliau :

“Islam berbeza dari agama-agama lain yang ada di muka bumi ini kerana perkataan Islam tidak mempunyai hubungkait sama ada dengan individu-individu tertentu, golongan atau tempat tertentu. Dari segi pemilihan nama, Islam merupakan nama istimewa yang diberikan oleh Allah s.w.t kepada Din-Nya. Al-Quran sebagai kalam Allah menyebut Islam sebagai al-Islam dan ia adalah ad-din”

Sumber : Abdullah Akhili (1996) Agama Dan Cara Hidup:
Pustaka Aman Press Sdn Bhd

2.2.1 Pengertian Islam

Agama Islam merupakan sebuah agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w melalui wahyu daripada Allah s.w.t melalui perantaraan malaikat jibrail. Menurut Khairul Anuar Bin Abdul Halim (2009) pengarang dalam penulisan yang bertajuk Pengertian Dan Maksud Islam mengatakan bahawa agama Islam itu datang daripada Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w sebagai panduan kehidupan manusia seperti berikut :

“Islam adalah sebuah agama yang diturunkan Allah s.w.t kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk menyusun dan mengatur kehidupan umat manusia dalam kesemua aspek semoga mereka dapat menghayati kehidupan yang mulia iaitu kehidupan yang cemerlang, gemilang dan terbilang samada di peringkat individu dan bermasyarakat di dunia dan seterusnya di alam akhirat.”

Khairul Anuar Bin Abdul Halim (2009) Pengertian Dan Maksud Islam : Utusan Publications And Distributor Sdn Bhd

Daripada petikan tersebut dapat difahami bahawa, agama Islam merupakan agama yang mengatur cara hidup manusia dalam pelbagai aspek agar kehidupan itu menjadi baik dan cemerlang di dunia dan akhirat..

2.2.2 Tamadun Islam

Menurut Khairul Anuar Bin Abdul Halim (2009) seorang pengarang daripada buku Pengertian Dan Maksud Islam menyatakan bahawa agama Islam dapat melahirkan tamadun manusia yang hebat di dunia. Tokoh-tokoh Islam telah ramai lahir dan menyumbang kepada pelbagai bidang iaitu dalam bidang sains dan teknologi.

“Islam telah melahirkan antara tamadun manusia yang terunggul di dunia. Ilmuwan serta cendekiawan Islam seperti Ibn Sina atau Avicenna, Ibn Rushd atau Averroes dan Al-Khawarizmi telah menyumbang kepada pembangunan sains dan teknologi dunia. Malahan pembangunan ilmu dalam Dunia Islam telah diakui sebagai mangkin kepada Zaman Pembaharuan (bahasa Inggeris: Renaissance) di Eropah yang akhirnya melahirkan satu tamadun yang gemilang di sana”

Sumber : Khairul Anuar Bin Abdul Halim (2009) Pengertian Dan Maksud Islam

Daripada kata-kata tersebut menunjukkan bahawa Islam merupakan agama yang dapat mendidik dan mentarbiyahkan masyarakat khususnya orang-orang Islam itu sendiri agar hebat melakukan pelbagai perkara yang diterokai di bidang masing-masing. Kejayaan ini membuktikan bahawa Islam dapat mewujudkan suasana dan persekitaran tersendiri dengan pelbagai penciptaan-penciptaan yang menarik dan bernilai. Namun begitu apabila dilihat kembali pada zaman ini, umat Islam berada di tempat yang jauh terkebelakang dalam dunia sains dan teknologi. Merujuk kepada Samiya Binti Che Mud (2009) seorang penulis dalam buku Permasalahan Umat Islam Masa Kini menyatakan bahawa kegagalan umat Islam dalam memiliki tamadun yang baik pada hari ini adalah disebabkan oleh umat Islam memilih untuk mengikuti cara hidup Barat dan meninggalkan prinsip-prinsip Islam.

"Kenapa umat Islam makin lama makin ketinggalan dan terkebelakang? Ianya terletak pada pemahaman umat yang salah terhadap konsep Islam. Contohnya, Barat memiliki hal-hal yang baik juga hal-hal yang buruk. Namun begitu, kita sering kali mengambil yang buruk dari yang baik.

Mereka menguasai sains dan teknologi, sistem pengurusan yang hebat tapi kita tidak mengambilnya demi kepentingan kita padahal semua itu bersumber pada agama Islam. Kita lebih cenderung untuk mencontohi amalan riba, hal-hal yang samar dan undang-undang mereka dengan segala kelemahan sehingga lupa bahawa kita juga ada undang-undang Islam yang jauh lebih sempurna, yang lebih menjamin individu dan masyarakat di setiap zaman dan tempat serta lebih terjamin di dunia dan di akhirat."

Sumber : Samiya Binti Che Mud (2009) Permasalahan Umat Islam Masa Kini ,

Daripada petikan tersebut, dapat difahami bahawa jika masyarakat Islam cenderung melakukan perkara tersebut atau meninggalkan prinsip-prinsip yang diajar dalam Islam, maka tidak mustahil, unsur-unsur yang menjadi kesenian dalam Islam juga turut diabaikan dalam peradaban tamadun masyarakat Islam

2.3.1 Kesenian dalam Islam.

Menurut Abdul Rahman Hamzah (2008) pengarang sebuah buku yang bertajuk Khat Dan Jawi: Mutiara Kesenian Islam Sejagat menyatakan bahawa seni Islam merupakan sesuatu yang unik kerana menaikkan nilai ketamadunan masyarakat Islam.

"Seni Islam merupakan satu keunikan yang melibatkan perkara fizikal yang dapat dilihat daripada terjemahan ajaran tersebut. Kesenian ini sering dipraktikkan dalam pelbagai terjemahan hidup seperti pada hiburan, sosial, senibina dan rekabentuknya. Kesenian di dalam Islam berbeza dengan kesenian yang dibuat oleh manusia yang bukan Islam iaitu dari aspek niat atau tujuan dan nilai akhlak yang terkandung dalam hasil seni Islam. Pencapaian pada kesenian Islam yang menarik dan penuh

dengan perlambangan yang kreatif dan menakjubkan. Sebagai contoh semasa era kegemilangan Islam yang hebat berlaku di Andalusia ketika dahulu. Keadaan itu merupakan satu ketamadunan dalam agama Islam”

Sumber : Abdul Rahman Hamzah (2008) Khat Dan Jawi: Mutiara Kesenian Islam Sejagat, Universiti Teknologi Malaysia

2.3 Lima elemen islamik

Lima elemen islamik yang dikaji merupakan unsur-unsur yang memperlihatkan kesenian di dalam Islam. Oleh itu lima elemen islamik tersebut telah dipilih untuk diaplikasikan pada antaramuka pengguna laman sesawang PMK. Oleh itu pemahaman tentang kelima-lima perkara tersebut adalah penting untuk dijelaskan.

2.3.1 Arabes

Arabes merupakan corak dalam kesenian Islam, melalui penyelidikan ini corak ini dijadikan salah satu elemen islamik yang akan diterapkan masuk pada antaramuka pengguna laman sesawang Pondok Moden Kandis . Corak arabes seperti pada rajah 2.1 merupakan salah satu bahagian dari seni arsitektur yang berkembang pesat di dunia Islam. Corak ini berasal dari kata bahasa Arab yang menunjukkan kaum Muslim dan ia merupakan seni Islam daripada tejemahan tumbuhan dan susunan geometri. Kesenian corak arabes selalu dilihat pada masjid-masjid dan daripada negara-negara Islam yang diterapkan seperti pada pintu gerbang dan bangunan-bangunan tinggi. Rajah 2.1 menunjukkan contoh corak arabes.

Rajah 2.1 : Corak Arabes



Sumber : <http://www.republika.co.id/berita/dunia-islam/khazanah/12/08/09/m8hekm-seni-arabes-dan-sejarahnya-1>

2.3.2 Tulisan Kufi

Ciptaan seni indah yang lain ialah penulisan khat yang pada mulanya digunakan untuk memperindahkan penulisan surah-surah Al-Quran. Berdasarkan penulisan dalam sebuah buku yang bertajuk Tamadun Islam (1991) yang dikarang oleh Mustafa Hj Daud, beliau menyatakan bahawa seni khat telah lahir bersamaan masanya dengan kewujudan agama Islam yang dibawa oleh nabi Muhammad s.a.w. wahyu yang diterima oleh nabi s.a.w telah dicatatkan oleh para sahabat.

Catatan itulah yang dinamakan sebagai seni khat.

“Seni khat lahir serentak dengan kelahiran Islam. Wahyu yang diterima oleh Rasulullah s.a.w sejak awal lagi telah dicatatkan oleh para sahabat pada daun-daun kayu, tulang-tulang dan sebagainya, sehingga al Quran sempurna diturunkan (23 tahun). Ini bererti seni khat diperlukan untuk mengabadikan al-Quran dalam bentuk tulisan”

Sumber : Mustafa Hj. Daud (1991) Tamadun Islam : The civilization of Islam, with reference to Malaysia.

Rajah 2.2 di bawah menunjukkan tulisan khat Thuluth. Tulisan ini merupakan kalimah doa di dalam bahasa Turki yang mereka dibaca ketika dalam keadaan sedih, kecewa, berada dalam keadaan ditimpa musibah dan bencana. Maksud bagi perkataan tulisan itu adalah “keadaan sedih ini juga akan berlalu pergi, Wahai Tuhan...

Rajah 2.2 : Tulisan Khat Thuluth



Sumber : Diwani Kraf : (<http://diwanikraf.com/tag/tulisan-khat/>)

Thomas Ballantyne Irving (1914–2002) seorang penulis dan penterjemah AL Qur'an Pertama Di Amerika pernah berkata mengenai kesenian Islam seperti petikan berikut:

“ senibina Islam bahawa tidak banyak tamadun dunia yang setanding keindahan seni bina Islam: menara-menara yang membumbung, kubah-kubah terkenal, koridor-koridor yang dingin, yang semuanya mencerminkan keinginan umat Islam yang tidak sekadar menerima keadaan semulajadi tetapi menumpukan perhatian kepada bangunan dan hiasannya.

Sumber : Thomas Ballantyne Irving (1914–2002) Penterjemah AL Qur'an

Kesenian khat kebiasaan juga diterapkan pada mozek khat yang diiringi ukiran marmar, pemasangan jubin dan kerja-kerja lain untuk menghiasi masjid, makam dan bangunan. Oleh itu, dapat dilihat keindahan seni Islam dilambangkan dari masjid-masjid yang banyak tersergam indah sehingga ke hari ini.

Terdapat lapan model utama seni khat iaitu Kufi, Thuluth, Nasakh, Farisi, Riq'ah, Diwani, Diwani Jali dan Raihani Diantara semua jenis khat tersebut, kajian ke atas Khat Kufi dipilih untuk dijadikan elemen islamik. Berdasarkan

kepada rajah 2.3 tulisan kufi telah menjadi sebahagian daripada perkara yang diterima masyarakat di sini.

Rajah 2.3 : Rekaan Karya Khat Kufi



Sumber : Utusan Online (2012) diperolehi jun 9, 2013 dari http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20121102/ba04/Keunikan-khat-Kufi

Menurut Ahmad Suhaili Hassan (2012) seorang penulis Khat Kufi dalam satu artikel Utusan Online bertajuk Keunikan Khat Kufi menyatakan bahawa tulisan ini bukan sahaja cantik dipandang, malah seni itu yang muncul di Bandar Kufah, Iraq itu turut mengajak orang yang melihatnya untuk mengingati Allah SWT dan Rasulullah SAW. Petikan adalah seperti berikut:

"Seni tulisan Kufi bukan sesuatu yang baru diperkenalkan dalam dunia kesenian Islam. Malah telah wujud ribuan tahun dulu. Jika kita lihat, tulisan Kufi telah terpahat di dinding salah satu masjid terkemuka dunia iaitu Masjid Nabawi."

Sumber : Ahmad Suhaili Hassan (2012) ,Keunikan Khat Kufi diperolehi jun 9, 2013 dari, Utusan Online http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20121102/ba04/Keunikan-khat-Kufi

Oleh itu, boleh dikatakan bahawa seni yang telah lama wujud ini merupakan kesenian yang telah digunakan untuk diterapkan pada binaan-binaan masyarakat Islam khususnya pada masjid tempat ibadat yang terbuka dalam agama ini.

2.3.3 Tulisan Jawi

Tulisan Jawi merupakan tulisan yang digunakan oleh umat Islam. Tulisan ini diguna secara meluas pada suatu masa dahulu dimana ia ditulias pada penulisan di akhbar, majalah, surat dan pada ukiran-ukiran lama seperti di batu dan kayu. Menurut Hashim Hj Musa (1995) menyatakan bahawa tulisan jawi pada ketika dahulu telah berkembang di Tanah Melayu sejak kedatangan Islam pada abad 10 daripada aktiviti perdagangan Arab yang datang berminggu-minggu di kepulauan Melayu. Perkembangan tulisan jawi di Nusantara adalah seiring dengan penyebaran agama Islam yang menjadi pegangan orang Melayu. Rajah 2.5 menunjukkan ejaan menggunakan tulisan jawi. Sebanyak empat huruf digunakan untuk membentuk satu perkataan yang berbunyi “Jawi”.

Rajah 2.4 : Perkataan Jawi

جاوی

Sumber : Bani Jawi Yang Semakin Melayu, diperolehi 4 Jun 2013
daripada <http://tabutjawi.blogspot.com/2011/12/bani-jawi-yang-semakin-melayu.html>

Dalam kajian yang dibuat ini, tulisan jawi merupakan tulisan yang dijadikan elemen islamik yang dipilih untuk diterapkan masuk pada antaramuka pengguna laman sesawang PMK. Tulisan ini mempunyai kesenian yang akan mengzahirkan keunikan dan keindahan agama Islam

2.3.4 Warna hijau

Warna hijau merupakan warna yang banyak kelihatan di alam semesta. Warna ini menunjukkan pelbagai makna dan kelebihannya yang tersendiri. Sebagai contohnya, warna ini ada terdapat pada pokok-pokok hijau yang mana jika melihat pada keindahannya, manusia akan berasa lebih tenang dan baik untuk kesihatan mata. Menurut Amrullah Ahmad (1996) seorang pengarang buku yang bertajuk Dimensi Hukum Islam Dalam Sistem Hukum Nasional menyatakan bahawa warna hijau merupakan warna simbol dalam Islam.

“Hitam lambang ilmu pengetahuan, hijau simbol Islam”

Sumber: Amrullah Ahmad (1996) Dimensi Hukum Islam Dalam Sistem Hukum Nasional

Oleh itu, dapat dikenalpasti bahawa warna ini merupakan simbolik kepada Islam. Selain itu juga, warna hijau banyak diceritakan dalam Islam

melalui ayat-ayat dalam Al-Quran. Melalui ayat al-Quran serta maksud daripada ayat tersebut, warna ini dilabelkan di tahap yang mulia dan dipandang indah oleh Allah. Dalam beberapa ayat al quran dengan firman Allah banyak menceritakan tentang keadaan di syurga.

“Penduduk Syurga itu (bersenang-lenang) di dalamnya dengan berbaring di atas (bantal-bantal) dan cadar-cadar yang hijau warnanya serta permaidani-permaidani yang sangat indah.”

Surah Ar Rahman : Ayat 76

“Mereka di dalam Syurga memakai pakaian hijau yang diperbuat dari sutera halus dan sutera tebal (yang bertekat), serta mereka dihiasi dengan gelang-gelang tangan dari perak dan mereka diberi minum oleh Tuhan mereka dengan sejenis minuman (yang lain) yang bersih suci.”

Surah Al-Insan : Ayat 21

“Mereka (Ahli syurga) mengenakan pakaian sutra halus yang hijau dan sutra tebal.”

Surah Al-Kahf : Ayat 31

- . Selain itu beberapa penerapan dan penerimaan daripada warna hijau yang lain adalah seperti yang ditunjukkan oleh nabi s.a.w sebagai warna kegemaran beliau,, kubah Masjid Nabawi pula adalah berwarna hijau dan simbol-simbol keislaman di seluruh dunia adalah berwarna hijau. Rajah 2.4 di atas merupakan grafik warna hijau yang menarik.


Rajah 2.4 : Grafik Hijau



Sumber : [http://www.szlihin.com/2011/02/
maksud-dan-simbolik-warna-hijau.html](http://www.szlihin.com/2011/02/maksud-dan-simbolik-warna-hijau.html)

2.3.5 Simbol bulan bintang

Rajah 2.5 : Simbol Bulan Bintang



Sumber : [http://inrasyad.wordpress.com/tag/
sejarah-lambang-bulan-bintang/](http://inrasyad.wordpress.com/tag/sejarah-lambang-bulan-bintang/)

Simbol bulan dan bintang dipilih untuk dijadikan elemen islamik kerana objek bulan dan bintang ini ada diceritakan dalam al Quran. Firman Allah yang bermaksud :

Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. Katakanlah: "(peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-waktu (urusan dan amalan) manusia, khasnya ibadat Haji. Dan bukanlah perkara kebaikan: kamu memasuki rumah dari bahagian belakangnya (ketika kamu berihram) akan tetapi kebaikan itu ialah perbuatan orang yang bertaqwah; dan masuklah ke rumah (Kamu) itu melalui pintunya, serta bertaqwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya."

Surah al Baqarah : 189

Selain itu terdapat satu peristiwa yang diceritakan ahli sejarah mengatakan bahawa asal usul lambang bulan bintang berasal dari lambang khilafah Islamiyah terakhir yang dimiliki umat Islam, iaitu Khilafah Turki Utmaniah. Memiliki luas wilayah yang membentang dari hujung barat sampai hujung timur dunia. Wilayahnya mencakupi tiga benua besar dunia, Afrika, Eropah dan Asia. Ibukotanya adalah kota yang sejak 1400 tahun yang lalu telah dijanjikan oleh Rasulullah SAW sebagai kota yang akan jatuh ke tangan umat Islam Rasulullah bersabda.

"Qonstantinopel akan kalian bebaskan. Pasukan yang mampu membebaskannya adalah pasukan yang sangat kuat. Dan panglima yang membebaskannya adalah panglima yang sangat kuat."

Sabda nabi telah disempurnakan oleh seorang pemimpin ketika itu bernama Sultan Muhamad Al Fateh dan tenteranya. Kemenangan itu telah dikecapi oleh mereka. Wilayah yang dikuasai dengan tiga benua telah di beri posisi ibu kotanya menggunakan lambang bintang dan diberi nama Istanbul yang bermakna Kota Islam. Sementara itu, bendera bulan sabit pula digunakan pada bendera rasmi umat Islam pada masa itu.

2.4 Laman Sesawang

Kajian yang dilakukan ini adalah berkaitan dengan pembangunan laman sesawang PMK. laman sesawang merupakan satu perkhidmatan internet yang digemari kerana orang ramai dapat menghimpunkan maklumat-maklumat yang hendak dimasukkan dalam halaman tersebut. Petikan di bawah menunjukkan penerangan tentang laman sesawang.

"Laman sesawang merupakan satu teknologi secara online iaitu melalui internet. Dalam erti kata yang lain internet dikenali juga sebagai World Wide Web (WWW). Teknologi Internet WWW atau lebih dikenali sebagai web merupakan perkhidmatan internet yang paling popular. Web merupakan satu perkhidmatan yang menghimpun maklumat. Lazimnya web mempunyai hiper pautan (hyperlinks) teks, imej grafik, audio dan video. Setiap halaman web mempunyai alamat yang unik. Alamat ini dikenali sebagai Uniform Resource Locator (URL). Setiap URL mengandungi dua bahagian utama iaitu protokol dan nama domain. Protokol yang lazim digunakan ialah http:// iaitu singkatan HyperText Transfer Protocol"

Sumber : Mohd. Shahizan Othman (2009) Pengaturcaraan Web Hypertext Preprocessor PHP : Venton Publishing (M) Sdn Bhd

Oleh itu, dapat dikenalpasti bahawa laman sesawang merupakan alat yang beroperasi secara online dan boleh dilihat oleh serata dunia. Laman sesawang merupakan tempat penyimpanan maklumat. Walaubagaimanapun, untuk mengaktifkan laman sesawang tersebut alamat yang dikenali sebagai URL perlu ada iaitu dengan pembelian *domain* dan *hosting* di syarikat yang menyediakan perkara tersebut.

Laman sesawang yang akan dibangunkan merupakan usaha yang dibuat bagi mengetengahkan beberapa tujuan. Antara tujuan tersebut ialah untuk mengetengahkan elemen-elemen islamik dan menyebarkan maklumat-maklumat tentang Pondok Modern Kandis kepada masyarakat. Oleh itu, bagi melaksanakan tujuan tersebut, penggunaan laman sesawang di internet boleh digunakan untuk menjayakan perkara tersebut.

Terdapat pelbagai perisian yang boleh digunakan dalam pembangunan laman sesawang iaitu melalui Blogspot, *Content Management System* (CMS), HTML 5 dan *Windows Installer Xml* (WIX). Bagi pembangunan laman sesawang PMK ini, kajian hanya menumpukan kepada CMS Worpress sebagai alat pembangunan laman sesawang yang diterapkan elemen islamik.

Penggunaan CMS mempunyai kelebihannya yang menarik dan dinamik. Rekabentuk dengan tema yang disediakan memudahkan pengguna untuk membangunkan sebuah laman sesawang yang penuh dengan informasi dan gambar-gambar. Terdapat banyak jenis CMS iaitu seperti Wordpress, Joomla, Drupal, dan mininiaga. Menurut Ikhtiaruddin Md. Yasim, CMS merupakan sebuah sistem yang dapat mengurus dan mengawal bentuk-bentuk fail seperti petikan berikut :

“ CMS adalah singkatan kepada Content Management System atau dalam bahasa Melayu sebagai Sistem Pengurusan Kandungan. Sistem ini digunakan bagi mengurus dan mengawal bentuk-bentuk fail seperti HTML, PHP, dan imej-imej yang berkaitan....’..CMS adalah perisian open source (sumber terbuka) yang mudah didapati di internet secara percuma. Antara CMS yang biasa digunakan adalah seperti Wordpress, Joomla dan Drupal. ”

Sumber : Ikhtiaruddin Md. Yasim (2012) Mudahnya Wordpress:
PTS NETMEDIA SDN.BHD

Penggunaan Wordpress merupakan salahsatu CMS yang popular. CMS Wordpress banyak digunakan untuk pembangunan laman sesawang berbanding dengan yang lain. Menurut Ikhtiaruddin Md. Yasim lagi, CMS Wordpress ialah skrip laman sesawang yang ditulis dengan menggunakan kod Hypertext Preprocessor (PHP) sebagai bahasa pengaturcaraan yang dibantu oleh pengkalan data MySQL seperti dalam petikan berikut :

“CMS Wordpress ialah skrip laman web yang ditulis dengan menggunakan kod PHP sebagai bahasa pengaturcaraan dan disokong oleh pengkalan data MySQL”

Sumber : Ikhtiaruddin Md. Yasim (2012) Mudahnya Wordpress:
PTS NETMEDIA SDN.BHD

Oleh yang demikian, penggunaan CMS Wordpress menunjukkan bahawa pembangunan laman sesawang ada menggunakan kod PHP yang lebih hebat dan canggih daripada kod asas seperti Hypertext Markup Languange (HTML)

2.5 Rekabentuk laman sesawang PMK

Penerapan lima elemen islamik pada rekabentuk pada laman sesawang Pondok Moden Kandis merupakan satu penghasilan yang penting dan menitikberatkan rekaletak yang berkesan agar pengguna laman sesawang dapat kepuasan hati yang baik selepas melayari laman sesawang tersebut. Melalui satu petikan dari sebuah buku menyebut tentang fungsi antaramuka pengguna bahawa ia memainkan peranan yang tersendiri dalam menyampaikan sesuatu perkara agar diperoleh dan difahami pengunjung laman sesawang tentang apa yang mereka lihat.

“rekabentuk antaramuka pengguna di skrin komputer bertindak sebagai penghubung antara manusia dengan maklumat yang hendak dicapai, ia memudahkan pengguna dan mewujudkan rasa ingin tahu melalui cara dan bentuk yang merangsang pengguna untuk menerokai maklumat ”

Sumber: Baharuddin Aris (2002) Rekabentuk Perisian Multimedia: Venton Publising (M) Sdn Bhd

2.6 Pondok Moden Kandis (PMK)

Berkenaan dengan Pondok Moden Kandis, pondok ini merupakan satu-satunya pondok yang ditubuhkan di bawah Pusat Pengajian Islam yang pertama di Malaysia. Pondok ini merupakan satu tempat pengajian agama yang mengikut cara baru yang berada di Telong, Bachok, Kelantan. Melalui laman sesawang milik PMK menyatakan tentang

pengenalan dan sejarah PMK yang mana keadaannya sangat menarik dan penting kepada masyarakat khususnya masyarakat Islam. Petikannya adalah seperti dalam petikan berikut “

“ Pondok ini mula beroperasi pada 11 Februari 1984 dengan dipimpin oleh seorang pengetua dan dibantu oleh tiga orang guru penolong. Manakala pelajar seramai 38 orang. Sehingga kini pelajar-pelajarnya bertambah dalam bilangan yang ramai untuk belajar di pengajian ini. Di pondok ini, kerajaan berhasrat untuk melahirkan ramai ulamak yang berwibawa.

Pada 19 Mei 1997, Lembaga Pengiktirafan Universiti Al-Azhar, Mesir dalam persidangannya kali ke 149 pada 30 Mac 1997 telah membuat keputusan bersetuju mengiktiraf Kurikulum Pusat Pengajian Pondok ini. Sebahagian besar pelajar lepasan Pusat Pengajian Pondok telah melanjutkan pelajaran mereka ke Universiti al-Azhar dan kembali mengembangkan ilmu kepada masyarakat di Kelantan khasnya dan di Malaysia amnya. Merekalah antara generasi yang bertanggungjawab menyambung tugas para Rasul dan Auliya’.

Menyedari hakikat inilah, maka Yayasan Islam Kelantan telah mengambil langkah yang efektif bagi memastikan Pusat Pengajian Pondok terus berkembang maju serta dapat melahirkan ulama'-ulama' muda sebagai pewaris kepimpinan masa depan. Pembangunan laman sesawang bagi pihak pondok merupakan satu usaha yang boleh mempromosikan lagi pondok kepada pengetahuan masyarakat di samping melakukan kajian berdasarkan penyelidikan yang dibuat.”

Sumber : <http://pppyik.com.my/index.php/tentang-kami>

Daripada petikan tersebut menunjukkan bahawa PMK merupakan institusi yang penting dijalankan dan laman sesawang merupakan alat yang sesuai untuk mempromosikan institusi tersebut.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan bagaimana kajian ini dilakukan untuk mengumpul maklumat atau data yang dapat membantu kajian. Perolehan maklumat yang tepat dan ilmiah akan menghasilkan satu pembangunan laman sesawang yang mencapai matlamat yang dapat menyelesaikan isu permasalahan yang dikaji. Terdapat dua rekabentuk bagi memenuhi tujuan tersebut iaitu kualitatif atau kuantitatif. Kajian ini memilih untuk menggunakan rekabentuk kualitatif yang mana kajian ini hanya tertumpu kepada kaedah pemerhatian, kajian perpustakaan iaitu merujuk buku-buku, dan rujukan internet serta kaedah temubual di lapangan.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian yang dilakukan adalah menggunakan rekabentuk kualitatif. Rekabentuk kualitatif merupakan kajian yang bertujuan mendapatkan kefahaman terhadap sesuatu perkara yang ingin dikaji. Oleh yang demikian, melalui pendekatan ini, data dan maklumat boleh

diperoleh dengan terperinci. Hal ini disebabkan, kajian kualitatif yang dibuat ini cukup untuk menjawab persoalan yang dikesan dalam kajian.

Oleh itu pengumpulan data atau maklumat dapat dilakukan secara menyeluruh merangkumi semua yang telah dirancang iaitu melalui teknik-teknik temubual,, pemerhatian, kajian perpustakaan dan kajian internet.

Kaedah-kaedah kajian yang dipilih ini mempunyai cara dan pelaksanaannya mengikut kesesuaian masing-masing. Penggunaan seperti borang-borang pemerhatian, transkrip temubual, alat perakam dan sebagainya merupakan alat-alat yang digunakan untuk tujuan pengumpulan data.

Seterusnya, analisis data dan maklumat telah dibuat apabila tujuan pengumpulan data tersebut telah dilaksanakan. Setiap kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data diteliti dan dikenalpasti hasil kajian yang diperolehi samadaada menjawab atau tidak tentang perkara yang dikaji. Bagi melaksanakan proses membuat kesimpulan dan merumus kesimpulan tersebut memerlukan kaedah pemikiran yang logik, naratif dan induktif supaya dapat menjawab kajian.

3.3 Kaedah Kajian

Teknik-teknik yang digunakan melalui pendekatan rekabentuk kualitatif ini merupakan satu usaha yang juga berkaitan dengan pendekatan yang juga disebut sebagai instrumen. Instrumen yang digunakan penting untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Berikut adalah kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan kajian.

3.3.1 Temubual

Dalam kaedah ini, salah satu penyelidikan yang dibuat adalah dengan menemubual dua orang tokoh yang berkaitan dalam dua bidang yang dipilih iaitu daripada bidang agama dan bidang pereka laman sesawang. Bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji dengan bersistem maka sesi temubual akan diadakan pada hari berasingan antara semua tokoh yang dipilih.

RAJAH 3.1 : Temubual Bersama Tenaga Pengajar

Di Pondok Pasir Tumboh



Rajah 3.1 menunjukkan seorang respondan yang pertama ditemubual bagi membantu menambahkan maklumat yang diperlukan dalam penyelidikan. Beliau merupakan seorang tokoh agama yang digelarkan

sebagai ustaz yang menjadi tenaga pengajar di sebuah pondok yang mendapat perhatian ramai masyarakat sebagai tempat belajar ilmu-ilmu agama iaitu di Pondok Pasir Tumboh. Nama beliau ialah Abdul Rahim Mohamad Shah. Beliau mempunyai kelayakan yang hebat dalam bidang agama apabila menjadi seorang tenaga pengajar dan dalam masa yang sama mengarang pelbagai kitab-kitab agama untuk dijadikan panduan dalam pembelajaran agama. Tambahan lagi, beliau sedang dalam usaha membuka sebuah pondok pengajian agama di Negeri Johor. Hasil temubual, sila rujuk Borang Transkrip Dalam lampiran B.

Selain itu juga, pada rajah 3.2 menunjukkan seorang lagi responden yang berada dalam bidang agama. Beliau adalah Timbalan Mufti Kelantan yang dipanggil Datuk Nik Abdul Kadir Nik Mohamad. Hasil temubual, sila rujuk Borang Transkrip Dalam lampiran C.

RAJAH 3.2 : Temubual Bersama Timbalan

Mufti Negeri Kelantan



3.3.2 Pemerhatian

Melalui kaedah ini, pemerhatian secara rawak telah dibuat terhadap lima buah laman sesawang daripada institusi atau jabatan keagamaan yang terdapat di Negeri Kelantan. Kelima-lima laman sesawang tersebut telah dikenalpasti untuk dikajikan sampel kajian yang boleh membantu menjawab persoalan yang ditimbul dalam kajian. Penilaian berkenaan unsur-unsur islamik yang terdapat pada antaramuka pengguna laman sesawang tersebut telah dibuat. Satu Borang Pemerhatian Laman Sesawang telah dibuat.

Borang Pemerhatian Laman Sesawang merupakan satu borang yang dibuat untuk mencatat semua perkara yang diperhatikan pada laman sesawang yang dijadikan sampel. Borang ini dipecahkan kepada enam petak. Petak pertama digunakan untuk mengisi maklumat berkaitan status penyelidikan. Seterusnya lima petak lagi digunakan untuk pecahan lima elemen islamik. Pada kelima-lima ruang petak tersebut, catatan telah dibuat berdasarkan pemerhatian yang dibuat ke atas lima laman sesawang yang dikaji. Hasil catatan, sila rujuk Borang Pemerhatian Laman Sesawang dalam lampiran D

3.3.3 Kajian Perpustakaan

Kajian melalui kaedah perpustakaan merupakan salah satu kaedah yang penting bagi menjelaskan lagi tentang isu-isu yang telah dikaji. Rujukan buku-buku, majalah-majalah, artikel-artikel atau risalah-risalah dan sumber-sumber bacaan yang lain merupakan contoh saluran media yang akan digunakan bagi mendapatkan maklumat kajian. Maklumat-maklumat yang perlu diperoleh adalah seperti elemen-elemen islamik, pengenalan tentang laman sesawang dan perisian bagi pembangunananya dan pengenalan tentang rekabentuk antaramuka pengguna laman sesawang. Berikut ialah beberapa buah buku yang telah dirujuk untuk membantu penyelidikan yang dijalankan.

- Mohd Aizaini Maarof. 2004 . *Teknologi Maklumat, Sistem Komputer Dan Perisian* : Venton Publishing (M) Sdn Bhd.
- Iskandar Ab Rashid & Zaitun Ismail. 2008 . *Adobe Dreamweaver* Venton Publishing (M) Sdn Bhd
- Iskandar Abdul Rashid & Zaitun Ismail. 2003 . *CSS untuk HTML* Venton Publishing (M) Sdn Bhd.
- Palani Murugappan. 2005 . *Malaysian Website* : Venton Publishing (M) Sdn Bhd.
- Ghazali Darulsalam. 2001 . *Tamadun Islam Dan Tamadun Asia* : Utusan Publications And Distributor Sdn Bhd.
- Malek Bennabi. 1991 . *Islam Dalam Sejarah Dari Masyarakat* : Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Abdul Rahman Haji Abdullah. 1990. *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara* : Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Ikhtiaruddin Md. Yasim. 2012. Mudahnya Wordpress PTS Netmedia Sdn Bhd


3.3.4 Rujukan Internet

Penggunaan internet merupakan salah satu alat yang boleh digunakan untuk mendapatkan informasi yang berkaitan. Ia merupakan alat yang penting untuk digunakan. Hal ini disebabkan, laman sesawang yang dijadikan rujukan dan kajian juga diperoleh daripada sumber internet. Jika tidak menggunakan khidmat internet maka laman sesawang seperti milik Yayasan Islam Kelantan (YIK) tidak akan dapat dikesan. Seterusnya pemerhatian ini tidak dapat dibuat untuk melihat elemen-elemen islamik pada antaramuka pengguna laman sesawang yang dikaji

Selain itu juga, pemahaman tentang makna yang lebih mendalam bagi setiap perkara yang berkaitan seperti maklumat-maklumat tentang lima elemen islamik akan dapat dikenalpasti iaitu melalui penulisan yang dibuat oleh *blogger-blogger* yang ada.. juga dapat dilihat di internet.

3.4 Rekabentuk Kajian

Penerapan Lima Elemen Islamik Pada Rekabentuk Laman Sesawang Menggunakan CMS Wordpress



3.5 Jadual Perancangan Penyelidikan 3.1 : Jadual Kerja

Bil	AKTIVITI	BULAN			
		I	II	III	IV
1	Proposal				
2	Bab 1 (pengenalan)				
3	Bab 2 (penyelidikan literatur)				
4	Bab 3 (metodologi penyelidikan)				
5	Bab4 (pembangunan produk)	Semester 8/2013			
6	Bab 5(perbincangan & keputusan)	Semester 8/2013			
7	Bab 6 (kesimpulan & cadangan)	Semester 8/2013			

BAB 4

PEMBANGUNAN PRODUK

4.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang proses pembangunan produk dengan mengikuti peringkat-peringkat pembangunan yang perlu dilakukan sehingga sebuah laman sesawang PMK dapat dihasilkan. Bab ini adalah untuk merungkai segala kajian yang dibuat adalah benar mengikut fakta dan data yang telah dikenalpasti. Oleh itu, bab ini menjawab beberapa perkara iaitu tentang pembangunan produk yang merangkumi kajian tentang lima elemen islamik, pemilihan perisian yang digunakan bagi tujuan pembangunan dan proses penerapan lima elemen pada rekabentuk laman sesawang PMK menggunakan CMS Wordpress.

4.2 Proses Pembangunan Laman sesawang

Pembangunan laman sesawang PMK yang diterapkan dengan lima elemen islamik adalah melalui tiga proses iaitu :

1. Pra-Produksi
2. Produksi
3. Pasca-produksi

4.3 Proses Pra-Produksi

Sebelum memulakan pembangunan laman sesawang, penyelidikan ini perlu meneliti terlebih dahulu berkenaan dengan asas kepada pembangunan laman sesawang dan mengenalpasti perisian yang berkaitan yang akan digunakan. Hal ini penting untuk mengenalpasti perisian yang sesuai digunakan untuk memenuhi ketepatan matlamat berdasarkan objektif yang dibuat. Laman sesawang yang dibina dalam kajian ini ialah laman sesawang PMK yang mempunyai lima elemen islamik.

Bagi memenuhi beberapa keperluan sebelum memulakan pembangunan laman sesawang dengan penggunaan perisian yang berkaitan, seorang tokoh laman sesawang bernama En Ejoe Koya yang mempunyai syarikat persendirian yang bernama ejoeSolution telah dirujuk. Syarikat beliau terletak di bangunan KB Cyber Plaza, Kota Bharu, Negeri Kelantan. Rajah 4.1 menunjukkan pemilik syarikat tersebut.

Rajah 4.1 : Gambar En Ejoe Pemilik Syarikat ejoeSolutions



Beliau mengatakan jika sesuatu laman sesawang itu dibuat untuk agensi atau syarikat yang bukan daripada kerajaan maka laman sesawang yang sesuai untuk dibangunkan adalah dengan menggunakan perisian *Content Management System* (CMS) iaitu Wordpress. Hal ini disebabkan, kebanyakan laman sesawang untuk agensi kerajaan banyak menggunakan perisian Joomla. Oleh itu, pembangunan laman sesawang dengan penerapan lima elemen islamik pada rekabentuk antaramuka pengguna laman sesawang Pondok Modern Kandis akan dibangunkan menggunakan perisian Wordpress. Dalam rajah 4.1 menunjukkan simbol perisian CMS Worpress pada versi baru iaitu 3.5.1.

Rajah 4.2 : Simbol CMS Wordpress versi 3.5.1



CMS Wordpress telah dipilih untuk digunakan untuk bagi tujuan pembangunan laman sesawang PMK. Pembangunan ini boleh dibuat mengikut dua keadaan iaitu secara *localhost* dan secara online. *localhost server* merupakan pembangunan laman sesawang yang boleh dibuat tanpa jaringan atau *internet* dan secara online adalah sebaliknya. Kaedah pembangunan tanpa *internet* telah digunakan dalam kajian bagi tujuan pembangunan laman sesawang PMK dengan menggunakan CMS Wordpress. Bagi mengaktifkan enjin untuk melakukan pembangunan sesawang secara *localhost*, maka perisian Xampp telah dipilih. Rajah 4.3 menunjukkan logo perisian yang digunakan

Rajah 4.3 : Perisian Localhost Server & Database



Perisian Xampp merupakan *localhost server* yang membolehkan laman sesawang disunting atau dibangunkan tanpa perlu kepada *online server*. Di samping itu, menurut Ramadani Saputra (2010) penulis buku Simple Step Programming With CCS : Mengungkap Rahsia Pembuatan Aplikasi Sistem Informasi Tercepat menyatakan bahawa Xampp yang diaktifkan dalam lip top akan menghasilkan juga *database* atau pengkalan data iaitu Apache dan MySql.

“Di antaranya yang paling banyak digunakan adalah Wampserver dan Xampp. Kelebihan dua software tersebut adalah kita hanya cukup menginstal salah satunya, maka

Apache dan MySQL akan terinstal juga, sehingga kita tidak usah menginstal berulang kali.”

Ramadani Saputra (2010) Simple Step Programming With CCS : Mengungkap Rahsia Pembuatan Aplikasi Sistem Informasi Tercepat : Elex Media Komputindo

Daripada petikan kata-kata Ramadani di atas, ini menunjukkan bahawa perisian Xampp telah menyediakan tambahan perisian lain yang membantu proses pembangunan laman sesawang. Perisian Apache dan MySQL hanya dibaca dengan alat yang dinamakan phpMyAdmin. Simbol phpMyAdmin adalah seperti dalam rajah 4.3 di atas. phpAdmin merupakan pengkalan data yang dapat menyimpan semua file-file kerja yang dimasukkan dalam laman sesawang.

Rajah 4.4 : Perisian-perisian pembangunan laman sesawang



Rajah 4.4 menunjukkan simbol-simbol perisian dan aplikasi yang digunakan untuk membangunkan laman sesawang. Perisian itu adalah Adobe Photoshop, Adobe Dreamweaver, , Notepad++, HTML, PHP, CSS, Filezilla dan sebagainya.

4.4 Proses Produksi


Proses yang kedua selepas pra-produksi adalah produksi. Proses ini adalah melibatkan penggunaan perisian yang dipilih telah diaktifkan untuk menjurus kepada pembangunan laman sesawang PMK. Pada peringkat ini, semua perisian yang telah dikenalpasti fungsinya akan digunakan mengikut peringkat-peringkat yang sesuai.

4.4.1 *localhost Server : Xampp*

Proses yang pertama adalah mengaktifkan penggunaan *localhost* server. Perisian Xampp boleh didapati di internet. Xampp dimuat turun ke dalam lip top sebelum diaktifkan. Setelah peroleh satu file setup yang dimuat turun daripada internet maka daripada file tersebut. file itu adalah dalam bentuk Win Zip. Bagi mengaktifkan perisian Xampp boleh diaktifkan dengan klik butang install. Apabila selesai mengikuti semua proses memuat turun perisian maka Xampp boleh la digunakan. Rajah 4.5 menunjukkan antaramuka pengguna Xampp yang diaktifkan dalam lip top. Butang petak Apache dan My SQL perlu ditanda dan Xampp akan berfungsi untuk digunakan.



Rajah 4.5 : Antaramuka Pengguna Perisian Xampp



Seterusnya, CMS Wordpress boleh dimuatturun secara *localhost*. Untuk tujuan itu terdapat tiga tahap utama yang perlu diikuti iaitu muatturun *installer* CMS Wordpress dari internet, masukkan folder CMS Wordpress yang diubah daripada file WinZip ke dalam folder Xampp di local C dan akhir sekali bina database dengan pengubahsuaian nama yang bersesuaian. Pembangunan laman sesawang PMK di sini diberi nama iaitu demosite2013 sebagai nama database. rujuk rajah 4.6 di bawah.

Rajah 4.6 : Antaramuka phpMyAdmin

The screenshot shows the phpMyAdmin interface connected to 'localhost' and the database 'demosite2013_database'. The left sidebar lists tables: wp_commentmeta, wp_comments, wp_links, wp_options, wp_pageflip, wp_pageflip_gallery, wp_pageflip_img, wp_postmeta, wp_posts, wp_terms, wp_term_relationships, wp_term_taxonomy, and wp_the_welcomizer. The main area shows the structure of the 'wp_commentmeta' table with 0 records, InnoDB type, utf8_general_ci collation, and various action buttons. Other tables listed have similar structures.

Table	Action	Records	Type	Collation
wp_commentmeta	[Edit] [View] [Insert] [Delete] [X]	0	InnoDB	utf8_general_ci
wp_comments	[Edit] [View] [Insert] [Delete] [X]	1	InnoDB	utf8_general_ci
wp_links	[Edit] [View] [Insert] [Delete] [X]	0	InnoDB	utf8_general_ci
wp_options	[Edit] [View] [Insert] [Delete] [X]	264	InnoDB	utf8_general_ci
wp_pageflip	[Edit] [View] [Insert] [Delete] [X]	2	InnoDB	utf8_general_ci
wp_pageflip_gallery	[Edit] [View] [Insert] [Delete] [X]	2	InnoDB	utf8_general_ci
wp_pageflip_img	[Edit] [View] [Insert] [Delete] [X]	16	InnoDB	utf8_general_ci
wp_postmeta	[Edit] [View] [Insert] [Delete] [X]	851	InnoDB	utf8_general_ci
wp_posts	[Edit] [View] [Insert] [Delete] [X]	229	InnoDB	utf8_general_ci
wp_terms	[Edit] [View] [Insert] [Delete] [X]	1	InnoDB	utf8_general_ci
wp_term_relationships	[Edit] [View] [Insert] [Delete] [X]	10	InnoDB	utf8_general_ci
wp_term_taxonomy	[Edit] [View] [Insert] [Delete] [X]	1	InnoDB	utf8_general_ci

4.4.2

Pembangunan Laman Sesawang CMS Wordpress

Proses yang kedua, apabila database sudah diaktifkan maka proses mengaktifkan CMS Wordpress boleh dimulakan pada *browser* yang dipilih iaitu menggunakan Mozilla Firefox seperti simbolnya di rajah 4.4. Rajah 4.7 di bawah ini antaramuka pengguna CMS Wordpress yang telah berjaya diaktifkan dalam Mozilla.

Rajah 4.7 : CMS Wordpress Yang Berjaya Diaktifkan




Seterusnya proses penerapan lima elemen islamik boleh dimulakan iaitu dengan memasukkan elemen-elemen tersebut mengikut *tool* atau alat yang telah disediakan. Walaubagaimanapun, sebelum penerapan ini dibuat, pemilihan tema CMS Wordpress telah dikenalpasti. Rajah.4.8 (a) menunjukkan tema yang dipilih iaitu bernama Custom Community. Tema ini menyediakan kemudahan seperti header, butang navigasi, *body*, *side body*, *slider* dan *footer*. Pada rajah 4.8 (b) pula merupakan tempat kawalan CMS Wordpress

Rajah 4.8 (a & b): Tema CMS Wordpress

(a) Rekabentuk Antaramuka Pengguna Yang Belum Siap



(b) Antaramuka Tempat Mengawal CMS Wordpress




4.4.3 Proses Merekabentuk Pada Antaramuka Pengguna


Pada peringkat ini, CMS Wordpress merupakan perisian yang utama menjadi tempat untuk dilakukan proses penerapan lima elemen islamik pada rekabentuk antaramuka pengguna bagi pembangunan laman sesawang PMK. Rajah 4.9 (a,b,c,d e) merupakan proses merekabentuk lima elemen islamik menggunakan Adobe Photoshop.



Rajah 4.9 (a,b,c,d) : Proses merekabentuk Lima Elemen Islamik

(a) Tulisan Jawi



(b) Tulisan Kufi dan Warna Hijau



(c) Simbol Bulan Bintang**(d) Corak Arabes**

Penerapan lima elemen seperti yang ditunjukkan pada rajah 4.9 diatas, proses yang dibuat ini kesemuanya menggunakan perisian Adobe Photoshop. Semua kelima-lima elemen islamik yang wujud telah disunting suoaya lebih menarik dengan warna dan bentuknya. Setelah selesai semua proses memasukkan semua elemen ini berjaya maka terhasilah satu laman sesawang PMK yang telah diterapkan lima elemen islamik pada rekabentuk laman sesawang tersebut. Rajah 4.10 merupakan halaman utama dalam laman sesawang PMK.

Rajah 4.10 : Laman Sesawang PMK *localhost*



4.4.4 Maklumat Dimasukkan Dalam Laman Sesawang PMK.

Setelah selesai penerapan lima elemen islamik dimasukkan pada rekabentuk laman sesawang PMK, maka proses seterusnya adalah memasukkan maklumat-maklumat berkenaan PMK ke dalam laman sesawang tersebut. Akhirnya laman sesawang PMK Berjaya diwujudkan dengan alamat *demosite2013/localhost*. Walaubagaimanapun, laman sesawang ini masih berada pada *localhost* server,hanya perekra laman sesawang sahaja yang boleh melihatnya.


4.5 Pasca-produksi

Peringkat yang ketiga merupakan peringkat yang terakhir proses menyempurkan kajian yang dijalankan. Setelah semua maklumat dilengkapkan, maka perkara dan usaha yang terakhir adalah mempromosikan laman sesawang kepada masyarakat umum. Usaha promosi adalah perlu untuk menyelesaikan isu-isu yang timbul sepanjang penyelidikan dijalankan khususnya dalam isu pemunggiran kesenian Islam melalui elemen-elemen islamik yang telah lama wujud dalam agama ini.

Namun begitu, laman sesawang yang masih berada pada *localhost* server perlu dimuat turunkan ke dalam *online server* untuk membolehkan laman sesawang tersebut dilihat oleh sasaran pengguna seperti pihak sekolah dan masyarakat tempatan. Beberapa perisian yang perlu digunakan oleh memenuhi tujuan seperti yang terdapat di rajah 4.4. Perisian-perisian itu seperti Filezilla, Notepad++, MySQL, phpMyAdmin, *Domain* dan *Hosting*. *Domain* dan *Hosting* merupakan nama dan tapak yang perlu digunakan untuk dijadikan tempat di internet yang akan dimasukkan laman sesawang PMK daripada localhost server yang digunakan. Rajah 4.11 menunjukkan antaramuka pengguna *Domain* dan *Hosting* yang dikawal menggunakan cPanel.

Rajah 4.11 : Antaramuka Tempat Masuk Ke Tempat Kawalan


Domain dan Hosting



Nama *Domain* ini adalah *creativem2g.com*. alamat ini berbeza dengan localhost server iaitu *demosite2013/localhost*. Perbezaan inilah menunjukkan samaada laman sesawang tersebut boleh dilihat oleh kebanyakan orang ataupun tidak.


Database daripada *localhost* server perlu dimasukkan ke dalam *Domain dan Hosting* melalui Filezilla. Rajah di 4.11 menunjukkan perisian Filezilla yang digunakan untuk memindahkan *database* ke dalam *Domain dan Hosting*.

Rajah 4.12 : Antaramuka Pengguna Perisian Filezilla



Selepas selesai dipindakkan masuk semua data-data *localhost* ke *online server* maka laman sesawang PMK dengan penerapan lima elemen islamik bolehlah dilihat oleh masyarakat dari dalam dan luar negara. Nama alamat yang baru bagi laman sesawang PMK ialah creativem2g.com/pondok.

Rajah 4.13 : Laman Sesawang PMK di Internet



BAB 5

ANALISIS KEPUTUSAN, PERBINCANGAN DAN KEUSAHAWANAN

5.1 Pengenalan

Analisis dan perbincangan dibuat berkenaan dengan elemen-elemen islamik yang menjadi isu yang tidak baik kerana unsur-unsur ini kurang digunakan masyarakat khususnya masyarakat Islam. Oleh itu, berdasarkan kepada kaedah kualitatif yang dilakukan, beberapa maklumat telah diperoleh. Bab ini akan menghuraikan tentang perkara yang dibincangkan untuk menjawab beberapa persoalan yang telah timbul dalam penyelidikan yang dijalankan.

Seterusnya, pembangunan laman sesawang PMK yang telah dibangunkan ini dijelaskan pelaksanaan pemasaran yang akan dilakukan selaku usahawan yang mengetengahkan produk yang dibuat. Perihal keusahawanan merupakan perkara yang perlu dirancang dengan baik. Oleh itu, bab ini diceritakan tentang perancangan yang digariskan untuk dilakukan bersesuaian dengan bidang keusahawanan yang turut juga dikaji.

5.2 Lima Elemen Islamik Pada Laman Sesawang PMK

Kajian melalui kaedah pemerhatian telah dibuat keatas lima laman sesawang daripada institusi agama telah dipilih. Kelima-lima laman sesawang yang dipilih ini merupakan institusi-institusi yang dilihat penting supaya mereka mempunyai daya usaha yang tersendiri dalam memartabatkan unsur-unsur kesenian Islam melalui lima elemen yang telah dikaji. Dalam rajah 5.1 (a,b,c,d,e) menunjukkan antaramuka pengguna laman sesawang daripada lima institusi iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEIK), Yayasan Islam Kelantan (YIK), Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) , Pondok Pasir Tumboh dan Kolej Islam Sains dan Teknologi (KIST)

Rajah 5.1 : Laman Sesawang Yang Dipilih Dalam Kajian Pemerhatian


(a) Laman Sesawang Yayasan Islam Kelantan



(b) Laman Sesawang Kolej Islam Sains dan Teknologi (KIST)



(c) Laman Sesawang Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)



(d) Laman Sesawang Pondok Pasir Tumboh



(e) Laman Sesawang Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEIK)



Rajah 5.1 menunjukkan lima laman sesawang daripada institusi agama Islam yang berada di sekitar negeri Kelantan. Merujuk kepada rajah tersebut membuktikan bahawa kelima-lima laman sesawang tersebut kurang dan tidak menerapkan lima elemen yang dikaji. Keadaan ini merupakan satu keadaan yang menggalakkan lagi penyelidikan ini untuk diwujudkan usaha penerapan pada antaramuka pengguna laman sesawang. Hal ini kerana, penerapan ini akan menimbulkan satu pandangan visual yang berkaitan dengan kesenian. Kesenian ini dibenarkan dalam Islam, maka jika usaha ini Berjaya dibuat secara berterusan maka kesenian Islam akan menyerlah dan mendapat perhatian ramai. Disebabkan penerapan lima elemen islamik kurang digunakan maka sangat wajar untuk diwujudkan laman sesawang seperti dalam kajian yang dilakukan ini.

5.3 Penerapan Lima Elemen Islamik Pada Rekabentuk Laman Sesawang PMK

Setelah dikenalpasti lima elemen islamik yang dipilih untuk diterapkan pada rekabentuk antaramuka pengguna laman sesawang Pondok Moden Kandis, maka kajian diteruskan lagi dengan bertemu dengan dua orang tokoh agama yang mempunyai kepakaran dan kebijaksanaan masing-masing.

5.3.1 Tenaga Pengajar Pondok Pengajian Islam Pasir Tumboh

Dalam tembual pertama penyelidikan, seorang tokoh agama yang ditemubual adalah seorang ustaz yang menjadi tenaga pengajar di sebuah pondok yang mendapat perhatian ramai masyarakat sebagai tempat belajar ilmu-ilmu agama

iaitu di Pondok Pasir Tumboh. Nama tokoh tersebut ialah Abdul Rahim Mohamad Shah. Beliau mempunyai kelayakan yang hebat dalam bidang agama apabila menjadi seorang tenaga pengajar dan dalam masa yang sama mengarang pelbagai kitab-kitab agama untuk dijadikan panduan dalam pembelajaran agama. Tambahan lagi, beliau sedang dalam usaha membuka sebuah pondok pengajian agama di Negeri Johor.

Dalam sesi soal jawab dengan beliau, kajian dibuat dengan bertanya tentang kebenaran lima elemen islamik dengan hujah dan dalil yang menunjukkan elemen-elemen tersebut adalah unsur dan ciri dalam agama Islam. Sila rujuk lampiran B.

5.3.2 Timbalan Mufti Negeri Kelantan.

Bagi menguatkan lagi sokongan yang menyatakan lima elemen yang dipilih itu merupakan satu perkara yang menampakkan islamik. Temubual dibuat lagi dengan merujuk kepada seorang tokoh agama dalam dunia Islam iaitu Timbalan Mufti Kelantan yang dipanggil Datuk Nik Abdul Kadir Nik Mohamad. Daripada temubual tersebut, perkara yang dikaji dapat dijelaskan lagi akan kebenarannya.

Semua elemen yang dikaji telah dijelaskan kebenarannya dengan dalil dan rujukan yang terdapat pada pelbagai sumber seperti Al Quran, Hadis dan sirah-sirah nabi. Beliau mengulas tentang perkara tersebut dengan menyatakan kelima-lima elemen yang dikaji adalah islamik. Sila rujuk lampiran c.

5.3 Perisian CMS Wordpress

Pembangunan laman sesawang PMK dengan penerapan lima elemen islamik bukanlah satu usaha yang mudah kerana beberapa alat dan aplikasi perisian yang digunakan perlu dikenalpasti. Perisian yang dikenalpasti akan kemampuan dan keberhasilannya adalah dapat membantu memudahkan lagi pembangunan laman sesawang yang dibuat. Oleh itu, beberapa pecahan dan kategori perisian telah dikenalpasti penggunaanya. Perisian tersebut adalah seperti berikut Adobe Master Collection, Content Management Systems (CMS), Xampp, Notepad++ dan Browers Mozilla.

Seorang tokoh bernama Noor Akmal Bin Koya, pengurus syarikat ejoeSolutions yang hebat dalam mengendalikan CMS Wordress dalam sesi temubual menyatakan bahawa pemilihan CMS Wordpress merupakan perisian yang baik digunakan untuk membangunkan laman sesawang bagi pondok tersebut (Rujuk rajah 5.5)


Rajah 5.2 : Pemilik Syarikat ejoeSolutions



Menurut beliau lagi, CMS Wordpress merupakan perisian yang popular di kalangan masyarakat untuk mempromosikan sesuatu perkara yang mereka lakukan seperti dalam bidang korporat dan tempat pengajian tinggi. Sebaliknya CMS Joomla merupakan saingan yang besar terhadap CMS Joomla. Walaubagaimanapun, Joomla

merupakan CMS yang popular dalam penghasilan laman sesawang bagi jabatan-jabatan kerajaan. Rajah 5.3 menunjukkan statistik agihan manusia menggunakan khidmat antaramuka pengguna laman sesawang berdasarkan *trends.builtwith.com* dari hasil kajian terbaru pada bulan Ogos 2012..

Rajah 5.3 : Statistik Agihan Perisian Laman Sesawang



Sumber : <http://www.tutorialwordpresspemula.com/>

Daripada graf tersebut dapat disimpulkan bahawa penggunaan CMS Wordpress merupakan perisian yang paling digemari oleh masyarakat. Selain itu juga, melalui rajah 5.4 menerangkan bahawa populariti dalam penggunaan perisian CMS Wordpress adalah tinggi.

Rajah 5.4 : Nilai Penggunaan CMS Wordpress



Sumber : <http://trends.builtwith.com/cms/WordPress>
 (*WordPress Usage Statistics*)

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa, penggunaan CMS Wordpress merupakan satu perisian yang baik dan berkesan kerana diminati ramai manusia. Pembangunan laman sesawang PMK dengan penerapan lima elemen islamik dapat dilakukan dengan baik melalui penggunaan perisian tersebut.

5.4 Rekaletak lima elemen islamik pada rekabentuk antaramuka pengguna laman sesawang Pondok Modern Kandis.

Rajah 5.5 : Bahagian – bahagian Rekaletak Elemen-elemen Islamik



Lima elemen yang telah diterapkan pada rekabentuk laman sesawang Pondok Modern Kandis merupakan satu kaedah penerapan secara digital yang dibuat pada masa kini. Penerapan ini dibantu oleh perisian dan aplikasi yang dapat menyokong penghasilan laman sesawang yang dibangunkan khususnya pada rekabentuk laman

sesawang tersebut. Pemilihan rekaletak lima elemen islamik pada rekabentuk laman sesawang Pondok Moden Kandis dibuat dengan merujuk beberapa buah laman sesawang yang wujud di negeri tempatan. Melalui pemerhatian ke atas laman sesawang tersebut, maka keputusan untuk memilih rekaletak di tempat yang sesuai dapat dikenalpasti.

Laman sesawang yang dilihat meletakkan kepelbagaiannya corak-corak yang berbeza di bahagian tepi halaman bar laman sesawang. Selain itu tulisan jawi di kebanyakan laman sesawang diletakkan pada header laman tersebut.

Perbezaan dapat dilihat jika membandingkan antara laman sesawang PMK yang baru yang yang asal milik pihak pondok. Rajah dibawah merupakan rekabentuk laman sesawang Pondok Moden Kandis yang asal digunakan.

Rajah 5.6 : Laman Sesawang Milik PMK Yang Asal



Rekabentuk laman sesawang yang asal milik PMK menunjukkan rekabentuk yang biasa dan berbeza dengan yang dikaji dalam kajian iaitu berkaitan dengan penerapan elemen islamik. Laman sesawang PMK yang asal tidak menunjukkan kewujudan lima elemen islamik yang dikaji. Walaubagaimanapun, penerapan warna hijau dan tulisan jawi wujud dalam rekabentuk laman sesawang tersebut. Oleh yang

demikian pihak PMK perlu menitikberatkan lagi penggunaan elemen islamik tersebut agar dapat diketengahkan pada rekabentuk laman sesawang PMK agar kesenian Islam yang ada pada elemen tersebut dapat diketengahkan.

5.5 Keusahawanan

Keusahawanan adalah aktiviti sebagai seorang usahawan, yang dijalankan secara inovasi, melibatkan kewangan dan wujud strategi bermula. Seorang usahawan merupakan seorang yang berani menerima risiko dalam mengembangkan perniagaannya untuk mendapat tempat dalam pasaran.

Bagi menjayakan usaha pemasaran, strategi pemasaran bagi menawarkan khimat laman sesawang kepada masyarakat adalah bermula dengan menubuhkan satu syarikat persendirian. Penubuhan syarikat ini penting untuk menyakinkan pelanggan tentang status perniagaan yang berdaftar, Syarikat bernama arCaredesign.enterprise akan dipilih untuk memperlihatkan status syarikat tersebut. Jenis perniagaan yang akan ditawarkan daripada syarikat ini adalah membina laman sesawang, menjual dan memberi khidmat *hosting* dan *domain* serta melatih membina laman sesawang.

Rajah 5.7 : Logo Syarikat arCaredesign



Dalam menghidupkan perniagaan ini agar dapat dimajukan dengan penjanaan untung yang meningkat maka pendekatan 4P telah dibuat. Pendekatan ini merupakan kaedah bauran pasaran. Pendekatan 4P adalah merujuk kepada empat perkara iaitu *Product, Price, Place* dan *Promotion*. Pendekatan ini merupakan salah satu cara terbaik membentuk sistem dan melancarkan lagi perjalanan perniagaan agar dapat dijalankan dengan baik dan mengelak daripada kecelaruan akibat tidak mengikuti proses yang betul.

5.5.1 Produk

Produk yang dihasilkan adalah laman sesawang. Laman sesawang Pondok Moden Kandis merupakan salah satu produk yang dibangunkan daripada syarikat arCaredesign.

5.5.2 Harga

Harga bagi laman sesawang yang ditentukan kepada pelanggan adalah mengambil kira beberapa aspek seperti berikut :

Kalayakan ijazah : RM 1500

Pengalaman : RM 500

Caj Tema Web : RM 50

Domain name : RM 90

Caj peralatan syarikat : RM 10

Jumlah : RM 2150 bagi sebuah laman sesawang.

5.5.3 Tempat

Bagi menstabilkan perniagaan ini, tapak bermiaga perlu diwujudkan. Syarikat akan mendapatkan tempat yang strategik yang memudahkan urusan pelanggan untuk datang menerima khidmat jualan syarikat arCaredesign.

5.5.4 Promosi

Produk secara digital iaitu laman sesawang Pondok Moden Kandis yang telah dihasilkan perlu diiklankan dan dipromosikan supaya produk tersebut diketahui oleh masyarakat umum. Jika sesuatu masyarakat khususnya kepada golongan sasaran tidak mengetahui akan produk tersebut maka kecenderungan untuk pelanggan-pelanggan hadir menerima khidmat produk dan kerja yang ditawarkan tersebut adalah kurang sambutan dan sukar mendapat perhatian

. Oleh sebab itu, pelbagai wadah dan saluran yang boleh digunakan untuk melaksanakan tujuan tersebut. Pada bahagian promosi ini, usaha-usaha promosi dibahagikan kepada empat bahagian iaitu pengiklanan, promosi jualan, jualan terus dan publisiti.

1) Pengiklanan

Pengiklanan merupakan bentuk persembahan atau komunikasi kepada kumpulan sasaran dengan tujuan untuk mempromosi, memperkenal dan melariskan jualan sesuatu produk dan perkhidmatan.

Bentuk persembahan atau komunikasi membawa maksud, sebarang kaedah atau cara yang digunakan untuk membolehkan komunikasi mesej antara pengiklan dan sasaran pasarannya. Pengiklanan juga dikategorikan sebagai komunikasi bersifat tidak peribadi yang ditujukan kepada sasaran pasaran yang ramai. Ini menunjukkan bahawa aktiviti pengiklanan tidak melibatkan komunikasi atau usaha promosi daripada pihak pengeluar atau pemasar secara bersemuka atau secara langsung dengan pengguna sasaran. Komunikasi dan usaha promosi yang diambil adalah ditujukan kepada sasaran pasaran secara terbuka dengan menggunakan media komunikasi massa seperti radio, televisyen, majalah, akhbar dan papan iklan. Iklan yang berkesan mempunyai unsur pujukan menjadi gaya tarikan yang dirancang dalam sesuatu mesej iklan.

2) Promosi jualan

Setiap alat promosi mempunyai kemampuan yang tersendiri bagi menarik perhatian pengguna. Kaedah promosi jualan merupakan kaedah jualan menggalakkan bagi tempoh yang singkat. Promosi jualan akan menggalakkan pembeli untuk membeli. Barang produk dikenalkan dan mengatasi masalah pesaing.

3) Jualan terus

Jualan terus merupakan jualan yang melibatkan interaksi dan pertemuan secara peribadi antara jurujual dengan bakal pelanggan. Syarikat arCaredesign akan melantik ejen atau jurujual untuk mengunjung dari satu rumah ke satu rumah yang lain bagi memujuk dan mempengaruhi orang ramai membeli barang mereka.

4) Publisiti

Dalam bahagian ini usaha mempromosikan dibuat melalui iklan-iklan di surat khabar, majalah-majalah, poster, banner, banting dan flyer.

5.6 Pemasaran

Dengan empat peringkat pelaksanaan dan kaedah yang digunakan ini, maka usaha kearah memasarkan produk masuk di pasaran akan lebih mudah. Masyarakat akan mudah menerima untuk memberi tempahan untuk pembangunan laman sesawang mereka kerana keberkesanan dalam promosi dan beberapa lagi kaedah yang lain.

Bab 6**CADANGAN DAN KESIMPULAN****6.1 Pengenalan**

Bab ini menerangkan tentang rumusan dan cadangan daripada hasil kajian yang dilakukan. Penerangan tentang kesan kajian kepada individu, masyarakat dan negara berdasarkan dapatan kajian dan proses pembangunan produk yang dilakukan. Oleh itu, beberapa cadangan telah disertakan untuk kajian yang akan datang sebagai mengembangkan lagi potensi kajian tersebut.

6.2 Kesan kajian

Berdasarkan kajian yang telah dibuat, penerapan lima elemen islamik pada rekabentuk laman sesawang merupakan satu pendekatan yang baik untuk mengetengahkan kesenian Islam yang semakin dilupakan pada masa kini. Kajian berkenaan penghasilan laman sesawang merupakan usaha untuk menyampaikan mesej masyarakat dapat menerima elemen-elemen Islam secara sepenuhnya untuk dihidupkan sebagai kesenian yang unik dari agama Islam yang boleh dibanggakan.

Selain itu juga, penghasilan produk yang mempunyai unsur-unsur Islam akan membuatkan penularan budaya Islam dapat disuburkan lagi ke serata dunia. Laman sesawang Pondok Modern Kandis yang dijadikan subjek utama merupakan contoh yang baik untuk dijadikan rujukan.

Oleh itu, pelbagai kepentingan dan keperluan yang ada untuk dimanfaatkan teknologi laman sesawang dengan penerapan elemen islamik tersebut. Kejayaan dalam menambahkan lagi bilangan laman sesawang tersebut akan menaikkan lagi martabat kesenian dalam Islam ke serata dunia.

6.2.1 Kesan kepada individu.

Kesan yang paling ketara daripada kajian yang dibuat ialah individu tersebut akan mendapat input dan maklumat yang berguna kepada beliau. Hal ini akan menambahkan ilmu pengetahuan berkenaan tajuk kajian yang dibuat. Selepas individu tersebut dapat melayari laman sesawang tersebut menyebabkan beliau dapat melihat elemen-elemen islamik yang wujud di laman sesawang tersebut sehingga individu itu dapat menghayati kesenian itu. Individu itu patut merasai kepentingan kesenian berdasarkan elemen-elemen islamik tersebut untuk dijaga dan dihidupkan di kalangan masyarakat khususnya kepada umat Islam itu sendiri.

6.2.2 Kesan kepada masyarakat

Fungsi kajian yang dibuat sehingga terhasil satu laman sesawang Pondok Moden Kandis memberi kelebihannya tersendiri kepada masyarakat. Kelebihan ini banyak ditujukan kepada golongan pemuda yang tidak mengetahui tentang elemen-elemen islamik yang wujud dalam dunia Islam. Jika ia diabaikan maka semakin ramai orang yang akan leka tanpa mengetahui kesenian Islam yang mempunyai keindahannya yang tenang dan selesa untuk dipandang.

6.2.3 Kesan kepada institusi

Universiti merupakan tempat penyebaran ilmu yang berpotensi besar dalam mengetengahkan perkara-perkara islamik. Universiti banyak melahirkan pelajar

yang boleh membangunkan Negara dengan perkongsian dan pencurahan idea-idea baru daripada pelajar-pelajar. Menurut kajian yang dibuat ini, harapan kepada masyarakat kampus adalah supaya dapat bertindak dengan baik bagi menyelesaikan masalah pegabaihan masyarakat Islam terhadap elemen-elemen islamik.

6.2.4 Kesan kepada Negara

Pengharapan daripada hasil kajian yang dijalankan ini kepada negara adalah negara harus menggalakkan rakyat di Negara tersebut dapat mempraktikkan elemen-elemen islamik seperti yang dinyatakan dalam kajian ini. Galakan terhadap anak-anak muda sangat diperlukan. Pelbagai pendekatan lain yang mampu dibuat oleh pihak kerajaan untuk berkempen seperti di ruangan facebook, blog dan tempat-tempat tumpuan masyarakat yang lain. Usaha yang berkekalan dan berkala ini diharapakan, masyarakat akan dapat bersama-sama dalam menuju kearah senibina dan kesenian Islam khususnya di negara kita sendiri.

6.3. Cadangan

Bagi menjayakan lagi usaha untuk mengetengahkan elemen-elemen Islam, semua pihak perlu mainkan peranan. Pihak kerajaan terutamanya perlu melaksanakan satu kempen dan usaha bagi menggalakkan masyarakat khususnya orang Islam untuk

menggunakan elemen-elemen islamik yang mampu menonjolkan keseniannya di setiap bidang teknologi yang ada.

6.4 Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang dibuat, dapat disimpulkan bahawa penerapan lima elemen islamik pada rekabentuk laman sesawang Pondok Moden Kandis dapat mencerminkan identiti negara kita sendiri. Hal ini kerana, budaya Islam yang menggunakan media digital telah diwujudkan melalui laman sesawang tersebut. Keadaan ini menaikkan nama Islam di mata dunia. Seterusnya keadaan ini boleh dibanggakan laman sesawang bercirikan islamik menyerlahkan kesenian Islam dan bebas dari perkara yang dilarang dalam syariat Islam.